

BAB 1

PENGENALAN

Pendahuluan

Pada keseluruhannya bab ini mengandung pengenalan kepada kajian ini yang terdiri daripada latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, signifikan kajian dan limitasi kajian.

Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini akan menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan tajuk kajian. Ia meliputi Bahasa Arab Komunikasi, proses pengajaran dan pembelajaran dan berkenaan dengan pengujian, peperiksaan, pengukuran, penilaian dan seterusnya pentaksiran secara khususnya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.

Bahasa Arab Komunikasi

Bahasa Arab Komunikasi ialah satu daripada mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar di peringkat menengah rendah (Tingkatan 1 hingga 3) dan menengah atas (Tingkatan 4 hingga 5).

Mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi mula ditukar namanya daripada Bahasa Arab pada tahun 1991 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Tarmizi Ahmad, 1997).

Pada mulanya mata pelajaran Bahasa Arab diajar di institusi pengajian tempatan bermula pada awal abad ke-19. Bermula dengan pengajian di pondok-pondok yang kemudiannya membawa kepada pembukaan madrasah, Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN).

Selain daripada pengajian agama, Bahasa Arab adalah merupakan satu daripada unsur terpenting di dalam kurikulum di sekolah-sekolah pondok agama arab (Mat Noor Su, 1998).

Manakala di dalam sistem pendidikan kebangsaan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pula, pada peringkat awalnya Kurikulum Bahasa Arab telah mula digubal secara rasmi bersama dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) pada tahun 1977. Penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ini bermula dengan proses mengambil alih 11 buah Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Menengah Agama Negeri yang selama ini telah menawarkan Bahasa Arab di dalam sistem pendidikannya kepada para pelajar (Zainal Abidin Abdul Kadir, 1990).

Pada tahun 1978, Kementerian Pendidikan telah meluluskan Bahasa Arab untuk diajar secara rasmi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengkaji Kursus Pengajian di sekolah berkenaan (Mat Noor Su, 1998).

Perkembangan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ini berterusan dan kini terdapat sebanyak 55 buah sekolah jenis ini di seluruh negara. Terdapat beberapa buah sekolah yang dipilih sebagai Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) dan terkini ialah dengan penubuhan beberapa buah Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) yang turut menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi bermula dari tingkatan 1.

Selain daripada itu Bahasa Arab Komunikasi juga turut ditawarkan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bersama-sama dengan bahasa Jepun, Jerman, Perancis dan bahasa-bahasa asing lain yang difikirkan munasabah berdasarkan kepada Akta Pendidikan 1996.

Manakala bagi mengatasi kebanjiran pelajar yang memohon masuk ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, kementerian membuka Kelas Aliran Agama (KAA) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) harian biasa yang turut menawarkan Bahasa Arab Komunikasi bermula tahun 1987.

Seterusnya kurikulum Bahasa Arab disemak dan digubal semula berikutan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Bermula tahun 1991, Sukatan Pelajaran baru mata pelajaran Bahasa Arab diimplikasikan di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Sekolah Berasrama Penuh dan Kelas Aliran Agama di seluruh negara. Kemudiannya nama Bahasa Arab yang digunakan pada peringkat awal itu telah dipersetujui untuk diubah kepada Bahasa Arab Komunikasi oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP).

Mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ini ditawarkan kepada pelajar sekolah menengah berkenaan bermula tingkatan 1 hingga tingkatan 5.

Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan Kurikulum Pendidikan 1997, Bahasa Arab Komunikasi adalah dikira sebagai satu mata pelajaran tambahan. Peruntukan waktu yang minimum seminggu bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi telah ditetapkan sebanyak 6 waktu untuk tempoh selama 40 minit setiap satu di dalam seminggu (6 waktu x 40 minit seminggu).

Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000), Kurikulum mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi peringkat menengah (Tingkatan 1 hingga 5) dan perancangan pengajarannya dirangka selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang serta menyediakan pelajar yang mampu berkomunikasi dalam Bahasa Arab dengan menggunakan kemahiran asas yang telah ditetapkan.

Objektif umum pengajaran Bahasa Arab Komunikasi peringkat menengah ialah ke arah menyediakan pelajar untuk menguasai empat kemahiran berbahasa; iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran bertutur adalah merupakan tumpuan utama di dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di

samping kemahiran lain yang dikuasai bertepatan dengan kaedah nahu yang betul (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1993), kemahiran utama atau aspek bahasa yang diuji atau ditaksir adalah meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Berdasarkan kepada Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi, keempat-empat kemahiran ini saling berkaitan antara satu sama lain. Penekanan diberikan kepada sistem fonetik, nahu, kata-kata hikmat dan perumpamaan serta perbendaharaan kata (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).


Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam konteks pendidikan dan sekolah, semua guru adalah tidak terpisah daripada tugas utamanya menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Menurut Koh Boh Boon (1982), proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah haruslah mempunyai tujuan, isi dan pendekatan yang telah dirancang terlebih dahulu oleh guru. Ia berlaku di bawah bimbingan dan kawalan guru sama ada di dalam kumpulan besar atau kecil dan melibatkan dua pihak iaitu guru dan murid.

Menurut Isahak Haron (1982), pengajaran adalah merupakan satu proses komunikasi dan interaksi di antara guru dan murid yang mengakibatkan pembelajaran yang berkesan di kalangan murid-murid.

Popham dan Baker telah menyarankan satu model pengajaran berteraskan tujuan yang mempunyai empat unsur asas yang penting iaitu; (1) penyediaan objektif pengajaran secara jelas dan tepat, (2) pentaksiran kebolehan murid sebelum pengajaran, (3) aktiviti pengajaran untuk membolehkan tercapainya objektif dan (4) penilaian untuk menentukan sama ada murid dapat mencapai objektif tersebut (Koh Boh Boon, 1982).

Koh Boh Boon (1982) juga menjelaskan bahawa pengajaran yang ideal haruslah membawa kesan yang sepenuhnya ke atas pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Merujuk kepada rajah 1, terdapat empat jenis kesan pengajaran yang berlaku ke atas pembelajaran murid di dalam bilik darjah, iaitu sama ada mencapai hampir keseluruhan sasaran pengajaran, separuh sahaja, kesan yang minimum sahaja atau tidak tercapai langsung apa yang dikehendaki oleh guru semasa pengajarannya.



Rajah 1: Aktiviti dan kesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Disesuaikan daripada Koh Boh Boon (1982) dari buku Asas-Asas Dalam Pedagogi).

Di dalam rajah 1, bulatan yang bergaris sempurna adalah merujuk kepada aktiviti pengajaran guru manakala bulatan bergaris putus-putus adalah merujuk kepada kesan pembelajaran murid. Kawasan yang berlorek pula menunjukkan kesan pembelajaran yang tercapai daripada sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran.

Guru dapat menilai dan menentukan sama ada proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukannya di dalam bilik darjah itu mencapai objektif sebenar atau tidak dan memberi kesan atau tidak melalui penilaian dan pentaksiran yang dilakukan.

Penilaian tidak dapat dipisahkan daripada guru. Tanpa penilaian, keberkesanan pengajaran tidak mungkin dapat dinilai. Tahap prestasi pelajar yang dicerap dapat membantu guru meneruskan pengajaran, meningkatkan, mengubah strategi atau membetulkan kelemahan (Mokhtar Ismail, 1995).

Pengujian

Menurut Mohd. Najib Ghafar (1997), ujian adalah merupakan satu alat atau prosedur yang bersistematik yang digunakan untuk mengukur sesuatu sampel tingkah laku. Ia digunakan secara sistematik bagi menentukan prestasi seseorang pelajar dalam sesuatu bidang. Ia menjawab soalan sejauh mana kejayaan pelajar berbanding pelajar-pelajar lain atau dengan satu set tingkah laku atau kriteria yang dikehendaki.

Ujian juga menurut Bhasah Abu Bakar (2003) adalah satu konsep yang kerap digunakan oleh guru pada setiap bulan seperti menyediakan ujian ujian, ujian

semester atau ujian percubaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di setiap tahun.

Berdasarkan Sax yang dipetik daripada Bhasah Abu Bakar (2003) menyatakan ujian ialah satu tugas atau satu siri tugas yang digunakan untuk mendapatkan satu pemerhatian (maklumat) yang sistematik di mana tugas itu diandaikan representatif (wakilan) bagi trait pendidikan atau atribut.

Peperiksaan

Ujian yang besar yang dilakukan secara formal dan mungkin mengandungi beberapa ujian pula dipanggil sebagai peperiksaan (Ng See Ngean, 1991). Di mana terdapat peperiksaan yang dijalankan di peringkat sekolah (*school based*) seperti peperiksaan penggal, peperiksaan akhir tahun atau peperiksaan percubaan dan juga secara berpusat iaitu peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STAM yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia atau STPM oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Pengukuran

Pengukuran merupakan satu proses mendapatkan penerangan berbentuk data berangka mengenai tahap pencapaian pelajar di dalam sesuatu kemahiran. Ia

menjawab soalan sebanyak mana pelajar telah berjaya. Skor atau data yang diperoleh pula boleh dikategori mengikut skala pengukuran seperti nominal, ordinal, selat dan nisbah (Mohd. Najib Ghafar, 1997).

Pengukuran juga merupakan pemberian angka-angka atau nombor secara kuantitatif kepada sesuatu objek atau perkara mengikut satu set peraturan yang telah ditetapkan (Bhasah Abu Bakar, 2003).

Ng See Ngean (1991) pula berdasarkan definisi yang diberikan oleh Cook (1966) dan Anastasi (1968) merumuskan bahawa pengukuran dan pengujian ialah kaedah-kaedah objektif dan sistematik di mana maklumat yang sah tentang manusia dan tingkah lakunya akan diperolehi.

Penilaian

Penilaian ialah satu proses yang sistematik yang melibatkan pengumpulan, penganalisan dan penginterpretasian keterangan tentang setakat mana pelajar telah mencapai objektif pengajaran. Ia melibatkan proses mengukur dan membuat pertimbangan tentang kebolehan dan keupayaan pelajar berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Penilaian menentukan kategori pelajar kepada cemerlang, sederhana dan lemah (Mohd. Najib Ghafar, 1997).

Menurut Bhasah Abu Bakar (2003) penilaian adalah satu pertimbangan atau pembuatan keputusan tentang merit atau nilai sesuatu perkara atau benda. Ia bersifat

kualitatif yang mengandungi pernyataan deskriptif bertujuan untuk menghuraikan dengan lebih lanjut, jelas atau membuat analisis terhadap sesuatu isu.

Manakala Gay seperti yang dipetik di dalam Bhasah Abu Bakar (2003) menyatakan bahawa penilaian adalah satu proses yang sistematik dalam pengumpulan dan analisis data untuk menentukan sama ada sesuatu objektif itu telah tercapai yang membolehkan sesuatu pertimbangan atau keputusan dibuat.

Berdasarkan kepada pandangan yang diberikan oleh Bloom (1956), Phi Delta Kappan (1971), Mehrens & Lehmann (1978) dan Chase (1978); Ng See Ngean (1991) merumuskan bahawa apa yang ditegaskan dalam beberapa definisi berkenaan penilaian ialah merangkumi maklumat, penghakiman, pertimbangan dan keputusan. Ia merupakan satu proses sistematik mendapatkan maklumat untuk membuat keputusan bagi tindakan kelak (Ng See Ngean, 1991).

Pentaksiran dalam Konteks Pendidikan

Dalam konteks sistem pendidikan negara masa kini, timbul pula istilah 'pentaksiran' di samping pengujian, peperiksaan, pengukuran dan penilaian. Istilah pentaksiran dalam konteks pentaksiran pendidikan kini berleluasa digunakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia khususnya dan Kementerian Pendidikan Malaysia amnya.

Menurut Popham sebagaimana yang dipetik di dalam Bhasah Abu Bakar (2003), menyatakan istilah pengukuran, penilaian dan pentaksiran digunakan secara

silih bertukar ganti dan dianggap sinonim. Manakala Bhasah (2003) juga menyatakan terdapat ramai di kalangan ahli pengukuran menggunakan istilah pentaksiran dan penilaian saling bertukar ganti. Umumnya pentaksiran melibatkan membuat keputusan berdasarkan kepada sesuatu peraturan atau piawaian. Pentaksiran dan penilaian adalah proses yang berterusan yang digabungkan di dalam proses pengajaran. Apakah yang dimaksudkan dengan pentaksiran sebenarnya?

Sebenarnya pentaksiran adalah terjemahan perkataan Inggeris '*assessment*' berasal daripada perkataan Latin '*assidere*' yang bermaksud 'duduk di sisi'. Justeru itu, pentaksiran pendidikan ialah proses memerhati atau mencerap pembelajaran. Ia meliputi proses menghurai, mengumpul, merekod, menskor dan mengintepretasikan maklumat berhubung pembelajaran seseorang pelajar (Omar Mohd. Hashim, 2003).

Menurut Omar Mohd. Hashim (2003), kehadiran istilah pentaksiran di dalam sistem pendidikan negara menunjukkan betapa aspek penilaian di dalam pendidikan harus dilakukan dengan lebih terperinci.

Di samping itu, Bhasah Abu Bakar (2003) pula menyatakan bahawa di antara ciri-ciri pentaksiran ialah meliputi perkara berikut:

- (a) Pentaksiran adalah proses mengumpul data bertujuan membuat keputusan tentang individu atau kumpulan,
- (b) Ujian pula adalah merupakan sebahagian daripada pentaksiran,
- (c) Apabila pentaksiran dibuat ke atas pelajar, guru sebenarnya mengukur tahap kecekapan untuk menentukan sama ada tahap kecekapan yang perlu

dikuasai pada satu-satu peringkat pengajaran dan pembelajaran telah dapat diwujudkan.

Pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi

Pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah merujuk kepada aktiviti dan amalan pentaksiran yang dilakukan semasa guru mengajar di dalam bilik darjah. Menurut Mohamad Sahari Nordin (2002), pentaksiran di dalam bilik darjah (*classroom assessment*) adalah bermaksud proses mengumpulkan dan mentafsirkan maklumat tentang pelajar untuk membuat keputusan-keputusan yang dapat meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, pentaksiran memainkan peranan memberi refleksi terhadap tahap kemajuan seseorang pelajar di dalam pembelajaran (Omar Mohd. Hashim, 2003). Sebenarnya secara sedar atau tidak, pentaksiran sentiasa berlaku selagi mana ada pembelajaran dan ianya melibatkan amalan yang dilakukan oleh guru bersama pelajar di dalam bilik darjah (Omar Mohd. Hashim, 2003; Mohamad Sahari Nordin, 2002; Abu Bakar Nordin, 1986).

Oleh itu pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran seharusnya menjadi satu proses berterusan yang bertujuan untuk memahami dan memperbaiki pembelajaran '*assessment for learning*' (Abdul Rafie Mahat, 2003; Omar Mohd. Hashim, 2003; Stiggins, 2002). Dengan cara ini semua pelajar akan dapat dibimbing

untuk menguasai setiap unit pelajaran yang diajar di dalam bilik darjah (Black & Wiliam, 1998)

Dalam konteks mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi, hasrat kurikulum adalah untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran ini mencapai 10 matlamat seperti yang ditetapkan di dalam Sukatan Pelajaran. Ia meliputi memastikan pelajar menguasai beberapa kemahiran seperti: (1) mendengar bacaan petikan ayat al-Quran dan Hadis Nabawiah serta memahaminya, (2) mendengar berita di dalam Bahasa Arab serta memahami dan menggunakannya untuk percakapan, (3) bertutur dengan fasih dan lancar serta dapat mengutarakan pendapat berdasarkan situasi yang tertentu, (4) membaca berbagai bahan serta memahami, membuat rumusan isi penting dan menggunakan untuk percakapan, (5) menulis berbagai perkara dan bertutur berkenaan dengan kandungannya, (6) menguasai kemahiran menulis khat dengan kaedah yang betul, (7) menguasai sekurang-kurangnya 3000 patah perkataan serta menggunakannya di dalam percakapan, pembacaan dan penulisan, (8) penguasaan *qawaid* Bahasa Arab yang mudah serta menggunakannya, (9) penggunaan kamus untuk memperkayakan perbendaharaan kata dan (10) membiasakan diri menggunakan kemudahan teknologi maklumat yang berkaitan dengan Bahasa Arab. (Kementerian Pendidikan, 2000).

Berdasarkan matlamat kurikulum Bahasa Arab Komunikasi yang diharapkan dapat digarap melalui proses pengajaran dan pembelajaran, maka penilaian dan pentaksiran terhadap Bahasa Arab Komunikasi juga harus menjurus kepada setiap aspek yang dinyatakan di dalam Sukatan Pelajaran yang disediakan. Menurut

McMillan (2001), pentaksiran di dalam bilik darjah yang baik bermula dengan penetapan sasaran dan matlamat pembelajaran yang sesuai, jelas dan spesifik. Dengan cara ini guru tahu apa yang akan diajar dan apa yang akan ditaksir.

Di antara sasaran pembelajaran menurut apa yang dinyatakan oleh McMillan (2001) adalah meliputi penetapan: (1) matlamat pendidikan secara umum berkenaan dengan apa yang pelajar perlu tahu dan lakukan, (2) objektif pendidikan secara khusus dan spesifik berkenaan kemampuan pelajar yang harus ditunjukkan di akhir proses pengajaran dan pembelajaran, dan (3) piawaian yang harus dicapai oleh pelajar berdasarkan kriteria dan andaian yang ditetapkan bagi pencapaian minimum yang dikuasai oleh pelajar.

Justeru, setiap aktiviti yang berlaku sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran harus ditaksir secara berterusan melalui pentaksiran di dalam bilik darjah. Pentaksiran berterusan ini bertujuan untuk memastikan hasrat kurikulum tercapai serta membantu pelajar mempertingkatkan pembelajaran di dalam setiap unit pengajaran yang dilakukan oleh guru. Dalam masa yang sama guru berpeluang untuk memperbaiki mutu pengajaran mereka berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pentaksiran berterusan yang dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pernyataan Masalah

Hasrat Falsafah Pendidikan Negara ialah untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Justeru, keseluruhan domain kognitif, afektif dan psikomotor perlu dibangunkan secara seimbang.

Dalam merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Negara ini, kurikulum dibentuk dengan menggariskan penentuan objektif, proses pengajaran, pembelajaran dan penilaian yang membentuk pusingan yang berterusan (Isahak Haron, 1982). Dalam konteks pendidikan alaf baru; peperiksaan, penilaian, pengukuran dan pentaksiran ialah empat istilah yang bukan sahaja sering digunakan secara silih berganti tetapi juga mempunyai konsep yang bertindan-tindih (Omar Mohd. Hashim, 2003).

Walau bagaimanapun, banyak aktiviti pentaksiran yang diamalkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran lebih menjurus kepada menamatkan sukatan pelajaran yang ditetapkan dan menumpu kepada persediaan untuk menduduki peperiksaan (*exam oriented*). Akibatnya satu perasaan kebimbangan, kerisauan dan tekanan dirasai oleh sebahagian pelajar yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah. Ini seterusnya menimbulkan ketakutan dan konflik kepada pelajar berkenaan. (Abu Bakar Nordin, 1986; Azman Wan Chik, 1982, 1994).

Justeru, maka kajian berkenaan dengan amalan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah ini adalah diharapkan dapat meninjau pelaksanaan dan masalah yang timbul. Antara lain masalah itu ialah mungkin berkenaan dengan kefahaman guru itu sendiri terhadap pentaksiran di dalam bilik darjah, masalah dalam menentukan kaedah serta pendekatan pentaksiran yang sewajarnya, mengenal pasti apakah kaedah dan jenis pentaksiran yang biasa digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran, penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran dan bagaimana guru mengaplikasikan penggunaan sesuatu kaedah pentaksiran di dalam bilik darjah yang terdiri daripada berbagai peringkat pelajar di dalam sesebuah kelas.

Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau amalan pentaksiran di dalam bilik darjah yang dapat membantu pelajar di dalam pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi yang diamalkan oleh peserta kajian selaku guru di sekolah kajian semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran.

Manakala secara khususnya objektif kajian ini adalah:

- (1) Untuk mengetahui mod amalan pentaksiran di dalam bilik darjah yang biasa diamalkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- (2) Untuk mengenal pasti tujuan sebenar guru menjalankan aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Soalan Kajian

Soalan kajian untuk penyelidikan ini ialah: “Bagaimanakah guru mengamalkan pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di dalam bilik darjah?”

Bagi menjawab persoalan kajian ini, penyelidik akan turut meneliti secara mendalam dalam konteks semulajadi daripada perspektif peserta kajian dengan menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif berkenaan dengan perkara-perkara berikut:

- (1) Apakah mod amalan pentaksiran yang dilakukan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah?
- (2) Apakah tujuan sebenar guru menjalankan aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran?

Hasil daripada penghuraian terhadap soalan kajian: “Bagaimanakah guru menjalankan pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi?” ini akan menjelaskan tentang sejauhmanakah amalan pentaksiran yang dilakukan itu dapat membantu pembelajaran pelajar dengan lebih baik lagi di dalam bilik darjah.

Signifikan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau bagaimana guru menjalankan aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa mengajar dan mentaksir adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Ia mampu menghasilkan kesan pembelajaran yang baik di dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran.

Kesedaran dan kefahaman guru terhadap tugas sebenar mereka semasa mengajar adalah penting kerana gurulah yang akan mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran dari awal hingga ke akhirnya.

Guru bertanggungjawab untuk memastikan hasrat kurikulum pendidikan yang telah ditetapkan tercapai dengan jayanya. Tujuan utama pengajaran dan pembelajaran bukan sekadar untuk memastikan sukatan pelajaran dapat dihabiskan dan pelajar disediakan untuk menduduki peperiksaan semata-mata. Namun begitu, hasrat kurikulum melalui proses pengajaran dan pembelajaran adalah untuk mengembangkan semua potensi pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan membangunkan semua domain kognitif, afektif dan psikomotor pelajar secara seimbang dan menyeluruh menepati kehendak Falsafah Pendidikan Negara.

Walaupun agak mustahil untuk guru menepati seratus peratus hasrat kurikulum ini, namun usaha ke arah itu perlu dipupuk dan diperbaiki sentiasa selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara itu sendiri.

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1993), pengajaran merupakan satu sistem aktiviti yang secara khusus ditujukan kepada pelajar dengan tujuan membawa perubahan di kalangan mereka. Sistem aktiviti ini sebenarnya dirancang dan diolah oleh guru untuk menyampaikan pemahaman tentang maklumat atau pengetahuan tertentu kepada pelajar dalam suasana yang dinamakan bilik darjah.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran khususnya untuk mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ini, guru harus memastikan semua kemahiran mendengar, menyebut, membaca, menulis dan bertutur ditaksir dan dinilai semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu tahu adakah pengajaran yang dijalankan olehnya berjaya mencapai sasaran pembelajaran atau pun tidak?

Justeru, kajian berkenaan dengan amalan pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini adalah amat signifikan dan penting kepada Kementerian Pendidikan amnya dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) khasnya serta Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dalam merangka program pendidikan guru dan pelaksanaan kurikulum pendidikan bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Tumpuan khusus perlu diberikan kepada strategi dan perancangan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap dan sempurna. Ini sekaligus dapat membantu guru-guru memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran mereka semasa mengajar dan mentaksir di dalam bilik darjah.

Batasan Kajian

Kajian berkenaan dengan pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ini mempunyai batasan berdasarkan kepada had-had seperti berikut selaras dengan prosedur sebuah kajian kes yang dilakukan secara kualitatif.

Pertamanya dari segi methodologi; kajian ini adalah merupakan kajian kes yang menjalankan pemerhatian, temu bual dan pengumpulan bahan dokumen berkaitan dengan kes ini sahaja.

Dari segi lokasi, kajian ini terhad kepada satu orang guru, satu kumpulan pelajar di dalam sebuah tingkatan satu di sebuah sekolah menengah terpilih yang terdapat di sebuah negeri di Malaysia iaitu negeri Selangor.

Dari segi skop kajian, kajian ini hanya membuat pemerhatian terhadap aspek-aspek pentaksiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi tingkatan satu sahaja. Aktiviti pentaksiran yang diteliti adalah yang berlaku sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung tanpa melibatkan ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun, akhir tahun atau peperiksaan awam yang dijalankan di sekolah tempat kajian dijalankan.

Kajian ini juga terhad kepada penelitian terhadap kaedah, jenis dan pendekatan yang digunakan oleh guru serta masalah yang dihadapi oleh peserta kajian semasa mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Pengalaman mengajar peserta

kajian dirujuk bersama hanya sebagai panduan untuk tujuan pengutipan data bagi kes ini.

Justeru, dapatan kajian ini tidak seharusnya digunakan untuk membuat generalisasi terhadap situasi dan kes lain. Ia hanya boleh dijadikan sebagai bukti untuk rujukan berkenaan kes dalam konteks kajian ini terhadap amalan pentaksiran untuk pembelajaran mata pelajaran seperti di dalam kajian ini sahaja. Walau bagaimanapun adalah diharapkan agar dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk tujuan membantu pembelajaran pelajar (*assessment for learning*) bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi atau mata pelajaran yang lain dengan lebih baik.